



MINGGUAN KKKG

E-BULETIN KOLEJ KOMUNITI KUCHING

DAN MANTAN JAWATANKUASA
KOLEJ KOMUNITI KEBANGSAAN
SESI 2022/2023



TAHNAH AMMAR HUSAINI BIN JEFFERY DIN

16 MAC - Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Ammar Husaini bin Jeffery Din kerana telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai Exco Tugas-Tugas Khas Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Kolej Komuniti Kebangsaan (JPPKKK) sesi 2022/2023. Sijil Penghargaan telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail di Majlis Penutup Polytechnic and Community College's Student Leaders Management Training 2023 (POLYCC-SMART '23) bertempat di Savanna Hill, Ulu Tiram Johor semalam. Ammar Husaini merupakan mantan Yang DiPertua Jawatankuasa Perwakilan Pelajar KK Kuching (Sesi 2022/2023) dan beliau adalah pelajar Sijil Teknologi Senibina (STS4) yang sedang menjalani Latihan Industri.

AKAN DATANG

Majlis Perhimpunan
Bulanan
&
Berbuka Puasa
27 Mac 2023



'MY PLEDGE AGAINST CANCER'

16 MAC - Warga kerja KKKg telah berpeluang mendengar Taklimat Kesedaran Kanser Serta penerangan program 'My Pledge Against Cancer' oleh pihak Majlis Kanser Nasional (MAKNA). Objektif taklimat ini diadakan adalah untuk memberi penerangan mengenai penyakit kanser di Malaysia, peranan MAKNA dalam membantu pesakit kanser yang kurang berkemampuan serta tips pencegahan kanser. Taklimat telah disampaikan oleh Pegawai MAKNA, Cik Rosalind Sudau.

JALINAN KOLABORASI TINGKATKAN KEMAHIRAN SUKAN BERKUDA

13 MAC - Pengurusan KKKg yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Akademik, Encik Mervin Gumba anak Sigai telah mengadakan kunjungan hormat ke Pusat Latihan Sarawak Tent Pegging Association SEDEC Equine Kampung Tanjong Bako hari ini. Delegasi KKKg telah disambut oleh Pengerusi Persatuan Tent Pegging Negeri Sarawak (STPA), Associate Professor Dr. Sopian bin Bujang bersama Pengurusan Tertinggi. Pelbagai perkara telah dibincangkan untuk mengenalpasti peluang jalinan kolaborasi dan kerjasama dalam peningkatan kemahiran komuniti dalam sukan dan aktiviti rekreasi berkuda di Sarawak.



- Kursus Kemahiran Aplikasi Shopee Marketplace - 18 Mac
- Sesi Zumba bersam Zin Hana Siri 1 - 18 Mac
- Kursus Kemahiran Solekan Harian - 18 Mac

- Kursus Kemahiran Aplikasi 3D SketchUp - 18 & 19 Mac
- Kursus Kemahiran Microsoft Excel Siri 2 (Asas) = 18 & 19 Mac
- Kursus Penghasilan Aksesori Manik Berfesyen Siri 1 (Asas) - 18 & 19 Mac
- Kursus Menjahit Gaun Pendek Kontemporari Bidayuh (18 - 19 Mac)

HEBAHAN PRISS



"Cara Hargai & Sayangi Diri"



Percaya pada potensi diri

Terima teguran dan belajar daripada kesilapan



Jauhkan diri dari orang toksik

Tidak bandingkan diri dengan orang lain



Memberi penghargaan/ self-reward kepada diri

Memuji dan memujuk diri



Disediakan oleh :

Nur Amriesya Izatul Binti Bujang
Pembimbing Rakan Inspirasi Siswa Siswi

KERJASAMA UNTUK HALA TUJU PELAJAR PENAN DALAM INSTITUSI TVET

17 MAC - Persatuan Pembangunan dan Pendidikan Penan Sarawak (PADE) Sarawak melaksanakan inisiatif untuk bekerjasama dengan institusi pendidikan seperti KK Kuching untuk mendapatkan maklumat berkaitan hala tuju pendidikan bagi pelajar Penan. Sukarelawan PADE Sarawak iaitu Cik Angeline Bail telah hadir untuk menemubual Pegawai Pengambilan, Encik Sulaiman bin Mohd Shah untuk mendapatkan keterangan berkaitan program pengajian TVET yang ditawarkan.

TERBITAN: UNIT KOMUNIKASI KOPRORAT



082-313321/322



ukkrasmi@kkkg.edu.my



kkkuching.mypolycc.edu.my